

16 NOV 1998

APEC-BERITA-DUA HALA/I

JADUAL KETAT MESYUARAT DUA HALA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai jadual ketat hari ini dan esok kerana beliau mengadakan mesyuarat dua hala dengan beberapa pemimpin dunia sebagai acara sampingan Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

Antara pertemuan yang diatur ialah dengan Perdana Menteri Jepun Keizo Obuchi, Presiden China Jiang Zemin, Perdana Menteri Australia John Howard dan Presiden B.J. Habibie dari Indonesia, demikian menurut jadual mesyuarat yang dikeluarkan oleh urusetia Apec.

Dr Mahathir adalah Pengerusi sidang kemuncak Apec tahun ini, mesyuarat tidak formal yang keenam yang diadakan setiap tahun.

Hari ini, Dr Mahathir memulakan pertemuan dua hala tersebut dengan Presiden Korea Selatan Kim Dae-Jung di Palace of the Golden Horses Hotel, tempat di mana mesyuarat Apec diadakan.

Mereka membincangkan tentang perkara kepentingan bersama semasa bertemu selama 30 minit.

Sejurus kemudian, Dr Mahathir menemui rakan sejawatannya dari Singapura Goh Chok Tong. Ini akan disusuli oleh mesyuarat dengan Dr Chiang Pin-Kung, yang mewakili Presiden China Taipei Lee Ting Hui di sidang kemucak dua hari.

Pemimpin-pemimpin lain yang dalam senarai ialah Perdana Menteri Thailand Chuan Leekpai dan Sultan Hassanal Bolkiah dari Brunei.

Esoknya pula, Dr Mahathir akan menemui Perdana Menteri Vietnam Phan Van Khai, Presiden Chile Eduardo Frei dan Perdana Menteri New Zealand Jenny Shipley, satu-satunya pemimpin wanita yang menghadiri sidang tersebut.

Dr Mahathir akan juga menemui Habibie dan Jiang esok dan mengadakan rundingan dengan pemimpin-pemimpin dari negara anggota Asean.

-- BERNAMA

MR TS MA